

20/03/2004

Lapangan Terbang Batu Berendam dinaik taraf

Daud Awang

JIKA dibandingkan dengan rakyat Kelantan dan Terengganu, nasib kira-kira 700,000 rakyat Melaka lebih beruntung dan terbela kerana menikmati pelbagai kemajuan dan projek pembangunan.

Ini kerana wujudnya hubungan erat antara kerajaan negeri dan Pusat yang membolehkan pelbagai projek pembangunan dilaksanakan di Melaka.

Sebagai contoh, sepanjang empat tahun lalu, Kerajaan Pusat memperuntukkan RM1,416.4 juta untuk melaksanakan pelbagai projek infrastruktur selaras persiapan Melaka Maju 2010.

Antara projek itu ialah projek membaik pulih dan menaik taraf Jalan Muar-Melaka-Alor Gajah-Simpang Empat bernilai RM505.6 juta, pembinaan Jalan Durian Tunggal-Paya Rumpit-Sungai Udang (RM205.6 juta), pembinaan Empangan Jus (RM157 juta), Loji Air Lanchang (RM110 juta), Kompleks Sukan Paya Rumpit (RM100 juta);

Pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka (RM91.2 juta), Loji Air Gadek (RM80 juta), Kompleks Pasar Besar dan Terminal Bus (Melaka Sentral) (RM48 juta) dan menaiktaraf Kampung Portugis (RM29 juta).

Berita terbaru dan pasti mengembirakan penduduk Melaka ialah Kerajaan Pusat bersetuju meluluskan peruntukan RM85.5 juta untuk menaik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam (LTBB) bagi membolehkan pesawat Boeing 737 mendarat pada masa depan.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM12 juta membabitkan kos pengambilan balik tanah, kos pemanjangan landasan sepanjang 500 meter (RM35 juta), pembinaan menara kawalan (RM14 juta) dan pembinaan bangunan terminal mendarat dan aerobridge (RM24.5 juta).

Tender mengenai projek ini akan dikeluarkan tidak lama lagi dan kerja pelaksanaan dijangka bermula bulan depan atau awal bulan Mei.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata projek ini adalah hadiah Kerajaan Pusat kepada rakyat Melaka yang memberi mandat besar kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) melalui pilihan raya umum kali ini.

Katanya, projek pembesaran lapangan terbang ini adalah komitmen Kerajaan Pusat untuk menarik lebih ramai pelancong asing dan tempatan melawat negeri ini terutama dari segi pelancongan kesihatan.

"Kerajaan negeri mempromosikan 12 produk pelancongan dan satu daripadanya ialah pelancongan berasaskan kesihatan. Ini penting kerana ramai pesakit terutama dari Indonesia dan Thailand berminat mendapatkan rawatan perubatan di negeri ini.

"Selama ini mereka datang ke sini menggunakan jalan darat atau melalui penerbangan transit, tetapi dengan adanya pesawat Boeing 737 yang boleh mendarat, saya yakin ia akan menggalakkan mereka mendapatkan rawatan di negeri ini," katanya.

Mohd Ali berkata, ketika ini lapangan terbang berkenaan tidak dapat menampung peningkatan penumpang dengan menggunakan pesawat Fokker 50 membabitkan beberapa syarikat penerbangan tempatan dan dari Indonesia.

"Selaras dengan misi kerajaan menjadikan Melaka sebagai negeri pelancongan, adalah wajar lapangan terbang sedia ada diperbesarkan bagi membolehkan pesawat lebih besar yang membawa pelancong mudah mendarat," katanya.

Lapangan Terbang Batu Berendam kini mengendalikan penerbangan pesawat Merpati Nusantara Airline, Riau Airline dan Berjaya Air.

Mulai 11 Mac lalu, jadual penerbangan bagi ketiga-tiga syarikat penerbangan terbabit diubah mengikut kesesuaian destinasi operasi masing-

masing.

Merpati Nusantara beroperasi setiap hari meliputi sektor Pekan Baru-Melaka-Batam pada Isnin, Rabu, Jumaat dan Ahad manakala hari Selasa, Khamis dan Sabtu dari Pekan Baru-Melaka-Padang.

Riau Airline pula beroperasi setiap hari bagi sektor Pekan Batu-Melaka-Pekan Baru.

Manakala Berjaya Air meliputi sektor Subang-Melaka-Padang (pergi balik) pada setiap Isnin, Rabu dan Jumaat.

Sehingga akhir tahun lalu, Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) mengendalikan seramai 28,02 penumpang bagi tempoh Januari hingga Disember dan daripada jumlah itu, 28,147 penumpang antarabangsa (Indonesia).

Jumlah ketibaan dan berlepas yang dicatatkan sepanjang Januari ialah 1,519 penumpang, Februari (1,311), Mac (1,764), April (1,199), Mei (1,598), Jun (2,152), Julai (3,188), Ogos (2,868), September (2,858), Oktober (2,858), November (3,138) dan Disember (3,719).

Sehubungan itu, Mohd Ali berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana meluluskan peruntukan pembesaran lapangan terbang berkenaan.

"Sebelum bersara, Dr Mahathir bersetuju meluluskan beberapa projek penting di Melaka termasuk pembesaran Lapangan Terbang Batu Berendam, pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Pelabuhan Melaka dan beberapa projek infrastruktur lain," katanya.

Bagaimanapun, katanya, selepas mengambil alih tampuk pemerintahan pada 31 Oktober tahun lalu, Pak Lah melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersetuju agar mempercepatkan proses pembesaran lapangan terbang berkenaan.

"Ini mencerminkan Pak Lah akan berbuat apa saja untuk membantu rakyat selepas diberi mandat besar dalam pilihan raya umum kali ini," katanya.

Mohd Ali berkata, satu lagi projek ialah pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka yang giat dijalankan dan dijangka siap secara berperingkat pada awal bulan depan.

Beliau berkata, antara komponen penting dalam projek itu ialah menyiapkan sistem pembetungan bersepadu supaya segala kekotoran tidak lagi mengalir ke dalam Sungai Melaka.

"Antara punca yang dikenal pasti yang menyebabkan air Sungai Melaka kotor ialah tabiat pengguna yang membuang segala sampah sarap ke dalam sungai. Selain itu, sistem kumbahan najis juga tidak diselenggarakan dengan baik menyebabkan ia mengalir ke sungai.

"Dengan siapkan projek bernilai RM91.2 juta termasuk mewujudkan sistem pembetungan bersepadu, saya yakin masalah pencemaran di Sungai Melaka akan dapat diatasi sepenuhnya,"katanya.

Mohd Ali yakin apabila projek pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka dapat disiapkan, Melaka akan mempunyai satu lagi daya tarikan baru kepada pelancong asing dan domestik.

"Sungai Melaka akan muncul sebagai Venice of Asia dengan kejernihan air sungainya," katanya.